



Ruj. Kami: USB.01/02.01/12.12/1/3Jld.2(29)

6 Julai 2012

Staf **UTMSPACE**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,

KURSUS TEAMBUILDING UTMSPACE 2012 SIRI TUJUH (7)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **UTMSPACE** akan mengadakan Kursus Teambuilding khusus untuk staf **UTMSPACE** pada tahun 2012. Antara objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan keyakinan semua staf **UTMSPACE** dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di dalam organisasi, mewujudkan sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan mengeratkan silaturrahim di antara staf.

3. Kursus Teambuilding **Siri Tujuh (7)** ini akan diadakan pada **7-9 September 2012** bertempat di **Lubok Merekek, Taman Negara Endau Rompin, Bekok, Segamat**. Setiap staf adalah **DIWAJIBKAN** mengikuti kursus ini seperti yang dinyatakan dalam senarai dilampiran. Kursus Teambuilding Siri 7 **merupakan siri yang terakhir** bagi tahun 2012. **KEGAGALAN staf daripada mengikuti siri ini akan memberikan kesan terhadap penilaian prestasi tahunan individu.**

4. Kehadiran saudara dalam kursus ini merupakan urusan rasmi. Oleh itu, mohon kerjasama untuk memastikan saudara tidak terlibat dengan urusan rasmi lain sepanjang tempoh kursus berkenaan. Bersama dengan ini di lampirkan **senarai nama, maklumat penting berkaitan kursus, aturcara program dan senarai keperluan yang perlu dibawa** semasa mengikuti kursus tersebut.

Sekian harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Yang benar,

PROF. DR. KHAIRUL ANUAR BIN ABDULLAH

Pengarah Urusan / Dekan

UTMSPACE

☎ : 07-521 8120

☎ : 07-520 5725

✉ : khairulabdullah@utmSPACE.edu.my

NMNH 219579